

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]

TARIKH : 16.5.2016

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa lamakah proses kelulusan permohonan guru pulang berkhidmat di negeri masing-masing atau mengikut pasangan dan apakah indikator yang digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjalankan proses pertukaran guru berdasarkan permohonan pertukaran oleh guru itu sendiri. Kelulusan permohonan tersebut bergantung kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di negeri yang dipohon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertukaran guru dilaksanakan berdasarkan kepada kriteria seperti berikut:

- a) Keperluan perkhidmatan;
- b) Kekosongan jawatan di negeri yang dimohon; dan
- c) Keperluan opsyen/mata pelajaran di negeri yang dimohon.

Faktor-faktor lain yang perlu diambil kira dalam menguruskan pertukaran guru adalah:

- a) Peruntukan kewangan.
- b) Pembahagian guru-guru terlatih dan berpengalaman yang saksama antara;
 - i. sekolah di luar bandar dan di dalam bandar dalam negeri berkenaan.
 - ii. sekolah-sekolah dalam kawasan atau bandar yang sama.
- c) Pembahagian guru-guru lelaki dan wanita yang munasabah di sekolah-sekolah di dalam kawasan yang sama terutamanya dalam bandar-bandar besar.
- d) Tempoh perkhidmatan di sesebuah sekolah/kawasan atau negeri yang tertentu.
- e) Ikut pasangan (dengan mengambil kira keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan).
- f) Kes kesihatan yang kronik (perlu kemukakan surat pengesahan doktor pakar hospital kerajaan).
- g) Ancaman keselamatan (perlu kemukakan laporan hasil siasatan polis).
- h) Lain-lain kes (perlu kemukakan bukti).

RJM03

SOALAN (59)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 16 MEI 2016
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan peraturan dan memantau unit-unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dilaksanakan daripada kegiatan menyewa kepada pihak ketiga.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan peraturan dan pemantauan unit-unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Negeri (PBN)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dijalankan secara berterusan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan masih memantau kegiatan penyalahgunaan unit rumah PPR terutamanya melibatkan penghuni yang menyewakan unit kepada pihak ketiga atau pun kegagalan membayar sewaan rumah PPR tersebut.

Dalam usaha mengatasi masalah tersebut, mulai pada tahun 2016 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merangka program penguatkuasaan yang dikenali sebagai “Ops Sejahtera Komuniti” yang dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama daripada Pihak Kerajaan Negeri, PBT, Jabatan Imigresen

Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Sehingga kini, sebanyak 4 program seumpamanya dilaksanakan iaitu:-

- (i) PPR Jalan Segindai, Sabah pada 5 Mac 2016;
- (ii) PPR Pudu Ulu, Kuala Lumpur pada 2 April 2016;
- (iii) PPR Taman Dahlia, Langkawi, Kedah pada 24 April 2016; dan
- (iv) PPR Taman Sri Stulang, Johor Bahru pada 7 Mei 2016.

Hasilnya, sebanyak 68 unit kediaman yang telah dikenal pasti menyewakan unit mereka kepada pihak ketiga. Oleh yang demikian, Notis Amaran dan Penamatan telah dikeluarkan kepada semua unit tersebut melalui PBN.

Selain daripada 4 siri program tersebut, KPKT juga akan melaksanakan program “Ops Sejahtera Komuniti” di negeri Selangor dan Sarawak bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan di kalangan komuniti PPR.

KPKT juga berharap agar pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri dan PBT akan terus melaksanakan program penguatkuasaan agar isu penyalahgunaan unit rumah PPR dapat dibendung pada peringkat awal lagi. KPKT sedia

membantu Kerajaan-Kerajaan Negeri dan PBT menjalankan operasi penguatkuasaan bersepadau sekiranya diperlukan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016